

130 anggota PALAPES UMS berhimpun pada majlis Perasmian Pembukaan Latihan Lanjutan

NST 17/05/2011

11

KOTA KINABALU: Seramai 130 anggota yang terlibat dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhimpun dalam majlis Perasmian Pembukaan Latihan Lanjutan Tahun 2011 yang diadakan di Dewan PALEPAS, UMS di sini kelmarin.

Majlis perasmian dihadiri sama oleh Timbalan Komandan, Mejar Haznain Bin Ngamil, Ketua Jurulatih PALAPES UMS, Mejar Mohd Sapi Bin Yaacob, pegawai-pegawai, Sarjan Mejar Rejimen, jurulatih dan pegawai Kadet PALAPES UMS.

Perasmian Pembukaan Latihan Lanjutan Tahun 2011 ini telah disempurnakan oleh Komandan PALAPES UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Majlis Perasmian itu juga diselitkan dengan upacara pemakaian pangkat kepada Lt. Talib Bin Abdullah Shani yang telah dinaikkan pangkat dari Leftenan Muda ke Leftenan berkuatkuasa 1 Ogos tahun lalu.

Latihan bagi Pegawai Kadet PALAPES UMS pada Tahun 2011 tertumpu kepada dua latihan utama iaitu latihan menembak senjata kecil di Lapang Sasar Kota Belud dan Latihan Pandu Arah di sekitar kawasan Tamparuli.

Dr Kamaruzaman mengingatkan semua anggota PALAPES UMS, khususnya pegawai kadet supaya mengutamakan aspek keselamatan ketika latihan menembak di samping menjalankan latihan dengan penuh semangat dan dedikasi.

"Pihak Universiti Malaysia Sabah akan sentiasa dan tetap memberikan sokongan sepenuhnya kepada program PALAPES selepas ini dan pihak pengurusan tertinggi universiti amat peka dan prihatin perkembangan PALAPES," katanya.



NAIK PANGKAT... Dr Kamaruzaman (kanan) memakaikan kenaikan pangkat kepada Talib.